



KENYATAAN AKHBAR

**Embargo sehingga 3.30 petang
24 Jun 2019**

PNB KEKAL FOKUS DALAM MEMBERIKAN PULANGAN MAMPAH

- Walaupun persekitaran pasaran mencabar, pendapatan Bersih proforma PNB yang digabungkan hanya menurun sebanyak 1.4% kepada RM5.3 bilion untuk tahun ini sehingga 31 Mei 2019.
- Meskipun demikian, PNB mencatatkan peningkatan tahunan 7.0% untuk jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM), mengatasi paras RM300 bilion buat kali pertama, kepada RM301.4 bilion. Jumlah pemegang akaun juga meningkat sebanyak 5.2% mencecah kepada 14.1 juta akaun, mencerminkan keyakinan berterusan rakyat Malaysia terhadap PNB.
- PNB juga mengumumkan pengagihan pendapatan bagi Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) dan ASN Equity 2 masing-masing sebanyak 5.25 sen seunit dan 2.80 sen seunit. Jumlah pengagihan pendapatan bagi kedua-dua dana ini berjumlah RM367 juta, dengan jumlah keseluruhan pengagihan sebanyak RM189.3 bilion bagi kesemua 14 dana sejak penubuhan PNB.
- Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik PNB, yang menumpukan kepada tiga bidang utama iaitu Peruntukan Aset Strategik dan Pengurusan Kecairan Optimum, Pengurusan Risiko Organisasi dan Transformasi Organisasi sedang berjalan lancar dan bertujuan memacu tumpuan berterusan dalam usaha untuk memberikan pulangan mampan kepada semua pemegang unit.

Kuala Lumpur, 24 Jun 2019: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan Aset di Bawah Pengurusannya (AUM) kini telah mengatasi paras RM300 bilion buat kali pertama untuk mencecah RM301.4 bilion pada taklimat prestasi bagi separuh pertama tahun 2019. PNB turut mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana unit amanahnya yang diuruskan oleh syarikat pengurusan unit amanah milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Berhad, iaitu Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) dan ASN Equity 2.

PRESTASI TAHUN 2019 SETAKATINI

Bagi tahun ini setakat 31 Mei 2019, pendapatan bersih Proforma PNB yang digabungkan menurun hanya sebanyak 1.4% kepada RM5.3 bilion, mencerminkan persekitaran pasaran yang mencabar yang mana FBM KLCI merosot sebanyak 2.4% dalam tempoh yang sama.

Meskipun demikian, PNB telah mencatat peningkatan sebanyak 7.0% tahun ke tahun bagi jumlah Aset di Bawah Pengurusannya (AUM) yang kini melebihi paras RM300 bilion buat pertama kali untuk mencecah RM301.4 bilion. Bilangan pemegang akaun juga meningkat sebanyak 5.2% kepada 14.1 juta akaun, menggambarkan keyakinan berterusan rakyat Malaysia terhadap PNB.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “Persekutuan dalam separuh pertama tahun 2019 terus kekal mencabar bagi semua institusi pelaburan sejajar dengan perkembangan global dan domestik. Walaupun begitu, kami berpuas hati kerana dapat terus mengekalkan pulangan dan pertumbuhan Aset di Bawah Pengurusan kami.”

PENGAGIHAN PENDAPATAN DANA UNIT AMANAH ASNB

Pada sidang media hari ini, PNB turut mengumumkan pengagihan pendapatan bagi Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) yang dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Didik, dana harga tetap keempat yang dilancarkan oleh PNB, dan juga ASN Equity 2, yang dahulu dikenali sebagai Amanah Saham Nasional 2, dana harga berubah kedua yang dilancarkan oleh PNB.

Pengagihan pendapatan bagi pemegang unit ASB 3 Didik ialah 5.25 sen seunit, terdiri daripada pengagihan pendapatan atau dividen sebanyak 4.85 sen seunit dan bonus sebanyak 0.40 sen per unit. Manakala pemegang unit ASN Equity 2 akan menerima 2.80 sen seunit, bersamaan dengan anggaran pulangan pengagihan sebanyak 5.0 peratus berdasarkan Nilai Aset Bersih pada 21 Jun 2019.

ASB 3 Didik akan mengagihkan sebanyak RM323 juta dalam pengagihan pendapatan kepada 292,400 pemegang unit yang kini memegang 6.19 bilion unit. Dilancarkan pada tahun 2001 dan dijenamakan semula tahun lepas kepada ASB 3 Didik, dana harga tetap ini menawarkan peluang pelaburan dengan pertumbuhan jangka panjang dan pulangan yang berpatutan. Dana ini mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM221 juta daripada dividen dan keuntungan modal.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASB 3 Didik adalah berdasarkan purata baki minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana tersebut. Pengagihan yang diisyiharkan oleh ASB 3 Didik akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam setiap akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Julai 2019.

Bagi ASN Equity 2, pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM43 juta akan memberi manfaat kepada 32,400 pemegang unit. Setakat 31 Mei 2019, ASN Equity 2 mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM43 juta. Dilancarkan pada tahun 1999, ASN Equity 2 memberikan hasil dividen yang berpatutan dan peningkatan modal pada tahap risiko yang berpatutan melalui pelaburan dalam portfolio yang dipelbagaikan terutamanya terdiri daripada sekuriti ekuiti Malaysia.

Semua urus niaga bagi ASB 3 Didik dan ASN Equity 2 di semua cawangan akan ditangguhkan buat sementara waktu dari 27 Jun 2019 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019. Urus niaga akan beroperasi semula pada 1 Julai 2019. Pemegang unit juga dinasihatkan untuk mengemaskini maklumat peribadi dan alamat e-mel melalui ejen ASNB atau cawangan ASNB untuk melakukan transaksi dalam talian.

Sejajar dengan usaha mempertingkatkan pengalaman pemegang unit dan meluaskan perkhidmatan digital ASNB, PNB baru-baru ini telah melancarkan aplikasi myASNB. Ciri pelaburan berulang automatik baharu, yang sama seperti fungsi arahan tetap untuk akaun bank, yang dinamakan “Auto Labur” juga telah diperkenalkan di portal myASNB, membolehkan pemegang unit untuk melabur secara tetap berdasarkan jumlah yang mereka tentukan. Dengan aplikasi dan portal myASNB, lebih 14 juta pemegang unit PNB boleh mengakses serta melakukan transaksi di mana-mana sahaja dan melalui telefon pintar mereka.

MELANGKAH KE HADAPAN

Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik PNB sedang berjalan lancar dalam tiga bidang utama yang telah dikenal pasti untuk meningkatkan lagi Pelan tersebut iaitu Peruntukan Aset Strategik dan Pengurusan Kecairan Optimum, Pengurusan Risiko Organisasi dan Transformasi Organisasi. Pelaksanaan kajian semula ini adalah sangat penting dalam usaha PNB untuk terus memberikan pulangan yang mampan dalam jangka sederhana dan yang lebih panjang.

Sebagai sebahagian daripada fokus PNB untuk 2019, strategi kepelbagaian Syarikat juga akan dipercepatkan ke seluruh kelas aset untuk mengoptimumkan pulangan dan meminimumkan pendedahan risiko. Hasil daripada inisiatif ini, peruntukan portfolio PNB dalam sekuriti pendapatan tetap dan aset global telah meningkat masing-masing kepada 7.4% dan 4.9% pada akhir Mei 2019, berbanding 5.8% dan 2.4% pada tahun 2017.

PNB juga sedang membangunkan rangka kerja khidmat luar yang komprehensif yang akan melengkapkan keupayaan dalamannya dalam pelaburan kelas aset dan pasaran baharu. Ini akan membolehkan PNB untuk menerokai strategi pelaburan baharu dan mencari instrumen pelaburan alternatif. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PNB yang sedia ada juga akan terus diluaskan bagi mengurus risiko baharu yang muncul dalam persekitaran yang berubah-ubah.

Di samping itu, usaha Transformasi Organisasi PNB adalah penting bagi membina daya tahan institusi bagi jangka panjang. Faktor pamacu utama dalam usaha ini adalah dengan menjadi sebuah organisasi yang memberi fokus secara strategik, berasaskan pengetahuan dan prestasi.

“Walaupun keadaan semasa pasaran mempengaruhi tahap pengangihan pendapatan, PNB akan terus mengharungi ketidaktentuan jangka pendek ini dengan tumpuan sepenuhnya pada asas jangka sederhana dan yang lebih panjang. Pada waktu yang tidak menentu ini, PNB akan terus melabur secara konsisten dan tidak akan membiarkan ketidaktentuan jangka pendek mengaburi potensi pulangan dalam tempoh jangka yang lebih panjang. Kami amat menghargai kepercayaan dan keyakinan yang telah diberikan oleh pemegang unit kami dan kami akan terus berusaha dan bertindak demi kepentingan mereka,” kata Tan Sri Dr. Zeti Aziz.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan 248.5 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari www.asnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad